

25/08/2003

Persatuan syor kerajaan ambil alih Bernas

KOTA BHARU: Persatuan Pemborong Beras Program Bumiputera Kelantan mencadangkan kerajaan mengambil alih semula syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas), yang ketika ini menghadapi masalah dan dikatakan mengalami kerugian besar dalam operasi perniagaannya.

Persatuan itu juga mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd Effendi Norwawi dan Bernas, berbincang dengan semua persatuan pemborong beras negeri berhubung masalah yang dihadapi.

Timbalan Pengerusinya, Ishak Zakaria, berkata adalah sesuatu yang menghairankan bagaimana Bernas yang diberi lesen mengimport beratus ribu tan beras boleh mengalami kerugian sedangkan pemborong berlesen yang hanya menjual 10 guni (10 tan) pun boleh mendapat keuntungan sekurang-kurangnya RM100.

"Jika itulah masalah dihadapi Bernas, kemungkinan ada tidak kena dalam pengurusannya," katanya sambil menambah campur tangan kerajaan itu juga dapat membela pemborong yang kini turut dituduh terbabit menyeludup beras hingga menyebabkan Bernas mengalami kerugian.

Sidang akhbar yang diadakan di hadapan Kompleks Bernas, di Buloh Poh, Melor, dekat sini turut dihadiri 10 ahli persatuan yang juga pemborong beras berlesen di negeri ini.

Baru-baru ini akhbar melaporkan, Effendi sebagai berkata Bernas mengalami kerugian kumulatif RM27 juta akibat kegiatan penyeludupan yang semakin berleluasa.

Bercakap pada sidang akhbar di sini, semalam, beliau juga menyuarakan rasa kesalnya dengan dakwaan pemborong terbabit dalam kegiatan menyeludup beras.

"Yang kami (persatuan) tahu, pemborong berlesen terpaksa bersaing dengan pemborong tidak berlesen memasarkan beras, dipercayai beras seludup. Malah, penyeludupan beras sudah lama berlaku iaitu ketika industri beras dikendalikan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

"Kenapa baru sekarang rugi sedangkan di awal penubuhannya dan sebelum mempunyai anak syarikat yang juga berniaga beras, Bernas tidak rugi," katanya.

Ishak juga mendakwa pada awal penubuhan Bernas selepas LPN diperbadankan, pemborong berlesen di Kelantan tidak menghadapi masalah mendapatkan bekalan dari kompleks Bernas negeri ini.

Malah, katanya, Bernas tidak pernah kerugian sebelum ia melantik 10 syarikat pemborong beras menjadi anak syarikatnya.

"Bernas lebih mengutamakan anak syarikatnya dan kalau pun pemborong mendapat bekalan, harga dikenakan lebih tinggi. Justeru, adalah wajar kerajaan mengkaji kedudukan Bernas dan mengambil alih syarikat itu bagi memudahkan pemborong Bumiputera negeri ini mendapatkan bekalan mencukupi," katanya.

Ishak berkata, Bernas sepatutnya sedar sumbangan pemborong beras berlesen, khususnya di Kelantan, membantu meningkatkan pemasaran beras sekali gus mengurangkan beras seludup.

Malangnya, kata beliau, sikap Bernas yang mengutamakan anak syarikat menyebabkan pemborong lain terpaksa mencari beras daripada kilang padi swasta.